

09 OCT 1997

PERDANA MENTERI Pengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Besar

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mempengerusikan Mesyuarat ke-76 Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

Antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat itu ialah kempen kesedaran mengenai teknologi maklumat yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri melalui semua rangkaian televisyen dan radio tempatan Sabtu ini.

Menurut kenyataan JPM, mesyuarat itu juga membincangkan mengenai penjagaan alam sekitar dan persiapan Sukan Komanwel tahun depan.

Dr Mahathir menekankan betapa pentingnya usaha menjaga alam sekitar yang meliputi penubuhan jawatankuasa pembersihan pantai daripada tumpahan minyak serta kempen menanam pokok di seluruh negara,

Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, bagi pihak Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri yang hadir, telah melafazkan sokongan padu ke atas kepimpinan dan usaha Perdana Menteri, timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Kerajaan Persekutuan dalam menangani masalah ekonomi yang melanda negara sekarang.

Perdana Menteri, di samping mengucapkan terima kasih atas sokongan itu, turut menjelaskan mengenai masalah ekonomi ekoran krisis mata wang Ringgit dan kejatuhan pasaran saham serta langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasinya.

Mesyuarat itu turut dihadiri oleh Anwar dan beberapa menteri kabinet.

-- BERNAMA

HT NAK